



## Talking Chips Dalam Pengajaran Pendidikan Islam Sekolah Rendah

Hafidzah Saffeen<sup>1</sup>, Hafizhah Zulkifli<sup>2</sup> & Mohd Isa Hamzah<sup>3</sup>  
<sup>1,2,3</sup>Universiti Kebangsaan Malaysia

### Article Info

**Received:**  
1 February 2020

**Accepted:**  
17 March 2020

**Publish**  
06 April 2020

**E-mail adress:**

\*corresponding Author :  
\*hafidzahsaffeen@gmail.com

e-ISSN 2682-759X

### Abstrak

Pendidikan di Malaysia kini bukan lagi berasakan peperiksaan semata-mata. Kesemua murid di beri peluang yang sama dalam pembelajaran di dalam kelas menerusi Pembelajaran Abad ke-21 (PAK 21). Namun begitu, terdapat situasi di mana murid yang cerdas mendominasi sesi pembelajaran dan murid yang lemah hanya semakin ketinggalan malah pasif dalam penglibatan sesi pembelajaran di dalam kelas apabila mereka dicampurkan di dalam satu bilik darjah. Tujuan kajian ini adalah untuk memahami penggunaan kaedah PAK21 iaitu *Talking Chips* dalam menangani perbezaan tahap pembelajaran murid di dalam bilikdarjah. Kajian ini menggunakan kajian kepustakaan dan analisis dokumen. Kajian ini menerangkan kaedah *Talking Chip* dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang menarik dan tersusun, murid mendapat hak yang sama, membina hubungan dan dapat berkomunikasi sesama mereka serta dapat meningkatkan keyakinan diri murid. Dalam kaedah *Talking Chips*, murid hanya akan diberi satu sahaja *Talking Chips* dan dibenarkan menjawab sekali sahaja soalan daripada guru dalam satu pusingan. Pembelajaran di teruskan dengan mendengar idea dan pandangan dari murid lain yang masih mempunyai *Talking Chips*. Kajian ini diharapkan dapat meningkatkan motivasi murid untuk terus belajar dan mendapat pembelajaran yang bermakna. Guru juga diharapkan dapat menjalankan kaedah *Talking Chips* ini untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang aktif.

**Kata Kunci:** PAK21, *Talking Chips*, pembelajaran aktif, perbezaan tahap pembelajaran dan komunikasi sesama murid.

## Pengenalan

Mendepani cabaran dalam bidang pendidikan di era abad ke-21, agenda melahirkan modal insan minda kelas pertama berdasarkan apa yang digariskan dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010 (Kementerian Pelajaran, 2006), berkualiti tinggi dan sebagaimana termaktub dalam gagasan Pelan Pembangunan Pendidikan (PPPM) 2013-2025 (Kementerian Pelajaran, 2013). Perubahan yang amat pesat sedang berlaku dalam sistem pendidikan di Malaysia pada masa ini. Guru kini menggunakan pelbagai kaedah dan aktiviti PAK 21 untuk menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih bermakna dan berkesan. PAK21 memerlukan PdPc berbentuk dinamik untuk mendidik generasi muda yang dipengaruhi globalisasi dan revolusi teknologi digital (Benade, 2015). Kandungan pembelajaran dan kemahiran dikuasai atau dipelajari dengan teradun (*blended learning*) secara bersemuka dan juga pembelajaran secara maya. Murid seharusnya disediakan dengan kemahiran dan kompetensi kurikulum yang bakal melahirkan murid yang seimbang, berdaya tahan, bersemangat ingin tahu, berprinsip, mempunyai kemahiran berfikir dan berkomunikasi dengan berkesan.

Malaysia merupakan sebuah negara yang berkembang pesat seiring dengan ledakan globalisasi pada masa kini. Dalam menuju ke arah pendidikan bertaraf dunia, Malaysia perlu membawa suatu perubahan yang akan memberi kesan kepada dunia pendidikan. Sistem pendidikan negara perlu segera diubah seiring perubahan supaya pelajar mampu dilengkapi dengan ilmu baharu yang lebih memenuhi pasaran pekerjaan dan keperluan kehidupan pada era dan abad kini. Hal ini amat penting dan harus berterusan kerana dunia sedang menghadapi perubahan maka rakyat perlu kuasai teknologi. Pakar Pendidikan dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Dr Hasnah Toran (2018), berkata kekusaran Perdana Menteri berdasarkan beberapa fakta antaranya kebolehan pasaran graduan universiti dan murid untuk bersaing di arena global. Katanya penelitian terhadap kurikulum amat penting dan harus berterusan kerana dunia sedang menghadapi perubahan maka rakyat perlu kuasai teknologi.

Kemahiran abad ke-21 telah dikenal pasti sebagai kemahiran yang amat diperlukan dalam pasaran kerja global masa kini (Hwa 2005; Yussof et al. 2008; Rasul et al. 2009; Wats & Wats 2009; Pukelis & Pileicikiene 2010; Tewari 2010). Menurut *Career Services Network*, Michigan State University (2010), segulung ijazah kini bukan lagi penentu bagi mendapatkan pekerjaan. Pekerja berpengetahuan (k-worker) hari ini perlu mempunyai set kemahiran seperti kebolehan bekerja dalam persekitaran yang pelbagai, kemahiran komunikasi lisan dan tulisan, kemahiran berfikir secara kritikal, kepimpinan (individu dan kumpulan), menyelesaikan masalah dan membuat keputusan, pengurusan masa, bekerja dalam kumpulan termasuk etika kerja, fleksibiliti, berinisiatif dan motivasi. Semua kemahiran ini sangat perlu dibangunkan melalui sistem Pendidikan Negara.

Kajian-kajian yang dijalankan di Malaysia juga menunjukkan keperluan mendesak terhadap pembinaan kemahiran abad ke-21 (Yussof et al. 2008; Rasul et al. 2009). Rasul et al. (2009) dalam kajian terhadap aspek kemahiran yang dikehendaki oleh majikan dalam industri pembuatan mendapati kemahiran asas, berfikir, sumber, interpersonal, sistem dan teknologi dan kualiti personal adalah kemahiran yang sangat diutamakan oleh majikan. Kajian Yussof et al. (2008) terhadap graduan UKM juga menyatakan pencapaian dalam akademik sahaja tidak boleh menjamin seseorang untuk mendapat pekerjaan. Banyak aspek lain yang dikehendaki oleh majikan antaranya sikap terhadap kerja dan pandangan hidup masa depan, penguasaan kemahiran asas termasuk teknologi maklumat dan bahasa, kebolehan berfikir secara kreatif dan kritis, disiplin diri dan berpengetahuan am. Menurut Hii (2007), kemahiran abad ke-21 merupakan kemahiran yang perlu diaplikasikan di dalam pelbagai situasi dan keadaan dan adalah

lebih berkesan jika program pembangunannya dilaksanakan semenjak dari peringkat sekolah lagi. Oleh demikian, satu kajian telah dijalankan untuk melihat kaedah PdPc yang diamalkan guru yang mampu menerapkan kemahiran abad ke-21 dalam kalangan pelajar.

### **Pernyataan Masalah**

Bermulanya tahun 2019, murid tidak lagi di tempatkan di dalam kelas yang berbeza mengikut tahap pencapaian, ini bermaksud tiada lagi pengkategorian murid kepada kelas paling cerdas, kelas sederhana dan kelas murid lemah. Amin Senin (2019) budaya berkenaan perlu dihentikan sepenuhnya bagi mengelakkan jurang kepandaian antara pelajar. Amalan itu bukan dasar pendidikan namun dilaksanakan sekolah dalam usaha meningkatkan pencapaian akademik mengikut Gred Purata Sekolah (GPS) yang menjadi petunjuk prestasi utama (KPI).

Amalan mengumpulkan murid pelbagai kebolehan berada dalam satu kelas menjadikan murid yang berprestasi tinggi boleh membantu murid yang berprestasi rendah. Hal ini juga boleh menganjak paradigma pendidikan di Malaysia jauh ke hadapan dengan pertimbangan keperluan ruang dan masa untuk pengurusan perubahan di semua peringkat. Namun pembelajaran dan pengajaran kelas abad ke 21 (PAK 21) juga tidak dapat berlangsung dengan efektif kerana terdapat masalah dalam cara mewujudkan interaksi yang berkesan dalam bilik darjah. Sebagai contoh, bila guru berkomunikasi secara lisan dan meminta pelajar untuk memberi tindak balas, terdapat murid lemah tidak berkomunikasi bersama guru manakala hanya diam membisu dan tidak memberikan sebarang respon atau tindak balas.

Pelajar mengalami masalah takut untuk berbincang dalam bilik darjah atau pun mereka tidak berminat dengan topik perbincangan guru. Selain itu guru tidak dapat meneruskan sesi pdpc yang lancar dan sesuai dalam situasi kepelbagaian kecerdasan murid di dalam satu kelas. Kepelbagaian tahap penerimaan pelajar terhadap maklumat yang cuba disampaikan akibat daripada gaya pembelajaran yang berbeza-beza antara pelajar. Ini diperkukuhkan dengan kenyataan Gainen dan Locatelli (1995), menurut mereka pencapaian seseorang pelajar dipengaruhi oleh interaksi antara tiga faktor iaitu ciri pelajar, hasil pembelajaran yang ingin dicapai dan persekitaran pembelajaran. Mungkin persekitaran pelajar yang lemah berada di dalam kelas yang sama dengan pelajar sederhana dan cemerlang menjadi faktor tidak mengikut sesi pdpc tersebut.

Masalah yang di hadapi terhadap proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas yang mempunyai kepelbagaian kecerdasan akan menjejaskan kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Banyak masa terpaksa dihabiskan oleh guru untuk menangani segolongan murid yang lemah (pasif) berinteraksi di dalam bilik darjah sehingga menyebabkan guru itu tidak dapat fokus kepada isi pelajaran dan juga tidak dapat menumpukan sepenuh masa dan perhatian kepada semua murid mengikut tahap kecerdasan yang pelbagai dalam sesi pembelajaran dan pengajaran. (Turner 1999). Turner juga berpendapat bahawa pelajar perlu membentuk pola atau gaya pembelajaran bagi membolehkan mereka mencapai objektif pembelajaran. Pendidik yang berusaha memahami gaya pembelajaran pelajar lebih awal, boleh menggunakannya bagi memperbaiki kelemahan pelajar dan menjadikannya sebagai asas untuk membina kekuatan pengajaran.

Terdapat juga masalah di mana pelajar lemah (pasif) tidak mempunyai ruang yang cukup untuk berinteraksi semasa mereka di dalam bilik darjah. Selain itu mereka akan berasa terkongkong dan tidak bebas untuk melakukan kerja berkumpulan. Tahap kecerdasan pelajar

yang pelbagai di dalam kelas menyebabkan pelajar lain yang lebih cerdas akan memandang rendah terhadap pelajar yang lemah (pasif) dan seterusnya membuat pelajar kurang pandai merasa rendah diri dan tidak melibatkan diri dalam sesi pembelajaran. Agung (2010) menyatakan kelemahan daya tumpuan murid adalah disebabkan perhatian yang mudah teralih daripada satu stimulus ke stimulus lain. Hal ini adalah disebabkan berikutan kesukaran untuk mengamati dan menapis maklumat penting yang wujud daripada pelbagai rangsangan di persekitaran mereka. Seterusnya ini akan menjejaskan beberapa kemahiran belajar termasuklah mendengar dan menerima arahan, melibatkan diri dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta kerap melakukan kesalahan dalam kerja sekolah dan kerja rumah (Dogru 2014).

Menjangkau setengah dekad, pada September 2013, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melancarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2015 dengan tujuan untuk melonjakkan prestasi pendidikan Negara Malaysia. PPPM 2013-2025 sudah berada dalam Gelombang 2 pelaksanaannya, Gelombang 1 yang melalui tempoh pelaksanaan antara tahun 2013-2015 telah menunjukkan beberapa kejayaan dalam pelbagai aspek. Pokok pangkalnya, hasil kemenjadian murid menjadi ukuran dalam kejayaan PPPM ini.

Gelombang 2 (PPPM) 2013-2025 telah menetapkan beberapa anjakan untuk mencapai wawasan meningkatkan taraf sistem pendidikan dalam abad ke-21 (FPK). Kementerian perlu membuat perubahan besar dalam menjadikan sistem pendidikan berada di peringkat yang diimpikan. Bagi memenuhi matlamat Gelombang 2 PPPM 2013-2025 antara inisiatif yang telah dilaksanakan adalah pengintegrasian kemahiran berfikir aras Tinggi dalam Pembelajaran Abad Ke-21. Pengenalan kepada Kurikulum Standard Sekolah Rendah Semakan (KSSR Semakan) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) bermula dengan tahun 1 dan Tingkatan 1 Pada tahun 2017 ini menggabungkan amalan terbaik antarabangsa yang memastikan KBAT dan pencapaian standard asas PAK21 yang berpusatkan murid yang mengandungi elemen komunikasi, kolaboratif, kreativiti, pemikiran kritis dan penerapan nilai murni dan etika.

## **Talking Chips**

Talking Chips ialah perkataan bahasa Inggeris yang bermaksud cip bercakap. Ia juga membawa maksud tanda bicara. Talking chips merupakan salah satu daripada bentuk model dan aktiviti pembelajaran PAK 21, dan merangkumi pembelajaran elemen komunikasi, kolaboratif, kreativiti, pemikiran kritis dan penerapan nilai murni dan etika. Talking chips juga dapat di gunakan dalam semua mata pelajaran dan sesuai untuk semua peringkat umur. Dalam konteks kajian ini, Talking Chips merupakan satu aktiviti atau makalah yang membolehkan sesi pembelajaran itu berlaku secara adil dan saksama tanpa terdapat sekatan dari segi perbezaan kecerdasan dan kecergasan murid. Setiap murid adalah sama dan di beri peluang yang sama untuk belajar dan meneroka walaupun terdapat jurang perbezaan yang ketara seperti tahap kecerdasan yang tinggi, sederhana dan lemah antara mereka.

Talking Chips merupakan strategi pengajaran pembelajaran kooperatif (Kagan, 1992). Dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas, pelajar perlu bercakap dan perlu mengambil bahagian dalam perbincangan kumpulan. Matlamat strategi ini adalah untuk memastikan penyertaan yang saksama dari semua dengan mengawal dan menyelia kekerapan setiap ahli kumpulan dibenarkan berbual dengan menggunakan cip. Oleh kerana teknik ini memberi penekanan penuh dan juga penyertaan dari semua ahli, teknik ini menggalakkan pelajar-pelajar dapat bercakap dengan yakin. Ianya berguna untuk membantu pelajar membincangkan isu-isu, dan sekaligus untuk menyelesaikan masalah komunikasi seperti mengawal sebilangan pelajar yang menguasai atau menyendiri dan senyap di kalangan ahli kumpulan.

Talking Chips adalah berdasarkan idea Gray (2010), yang diilhami oleh Byron Reeves adalah strategi yang membuat nilai sumbangan setiap orang dan memberi peluang kepada semua orang untuk bercakap. Ia bermaksud bahawa semua pelajar mempunyai peluang yang sama di dalam bilik darjah jika seorang pelajar mempunyai dua kali untuk bercakap. Pelajar lain juga mempunyai dua kali untuk bercakap di dalam kelas.

Bowers dan Keisler (2011) berkongsi bahawa Talking Chips adalah strategi dalam pengajaran dan pembelajaran yang memastikan setiap orang mempunyai peluang untuk berkongsi dalam perbincangan. Jadi, tidak ada jurang antara pelajar yang aktif bercakap dan mereka yang pasif bercakap. Selain itu, akan mempunyai peluang yang sama kepada setiap pelajar untuk menerangkan di dalam bilik darjah.

Hilson (2010), Talking Chips adalah strategi dalam pengajaran dan pembelajaran yang menjamin penyertaan yang sama dalam setiap kumpulan perbincangan. Setiap ahli kumpulan yang terlibat menerima satu cip poker yang sama (atau mana-mana penanda lain, seperti kad indeks).

Turville (2008), Talking Chips adalah strategi untuk kemahiran bercakap. Ianya adalah penyertaan kumpulan yang menggunakan beberapa cip dalam prosedur mereka untuk bercakap atau menyampaikan idea.

Lie (2002), menyatakan bahawa kelebihan menggunakan Talking Chips adalah untuk memberi peluang kepada setiap pelajar untuk mengambil bahagian secara sama. Dalam kerja kumpulan biasanya terdapat pelajar yang cenderung lebih dominan atau aktif daripada pelajar lain selain itu, terdapat juga pelajar yang cenderung pasif dan diam di dalam kelas. Teknik ini akan memastikan setiap pelajar mengambil bahagian. Kelebihan lain menggunakan Talking Chips adalah pelajar dapat membina kemahiran bercakap dan kemahiran sepenuhnya dan mengembangkan kemahiran bahasa mereka.

Menurut kajian Ameera Dhini dan Retno Mustika (2017), dapat dikatakan model pembelajaran kooperatif Talking Chips dapat membuat pelajar lebih aktif dalam segala hal. Semua pelajar memperolehi kesempatan menerima bahan pembelajaran, bertanya, berfikir dan menjawab dengan struktur pembelajaran yang khas. Hal tersebut karena tahap-tahap pada model pembelajaran ini akan membuat pelajar aktif dalam pembelajaran. Kegiatan inilah yang membuat pelajar semakin aktif apabila melakukan pembelajaran dengan menggunakan model pembelajaran kooperatif Talking Chips.

Menurut kajian Sri Utami (2017), proses belajar melalui Talking Chips menghasilkan pelajar yang saling bermotivasi sesama sendiri, saling membantu antara satu sama lain dalam menguasai isi pelajaran, bahkan pelajar juga berkolaborasi dalam menjawab soalan semasa sesi Talking Chips di jalankan.

Menurut kajian daripada Fitri, et al (2016) bahwa pembelajaran Talking Chips memiliki dua proses penting iaitu proses sosial dan proses penguasaan isi pelajaran. Proses sosial adalah proses pelajar bekerjasama dalam kelompok, sedangkan proses penguasaan isi pelajaran adalah proses yang melibatkan pelajar dalam berbincang, mengklarifikasikan konsep dan menyelesaikan masalah.

Berdasarkan kajian Petrus Logo Radja, Budi Eko Soetjipto, dan Ach. Amirudin (2017), Model pembelajaran Talking Chips dan Fan-N-Pick dapat meningkatkan motivasi dan hasil

belajar pelajar. Motivasi pelajar yang meningkat selain dilihat dari hasil soal selidik dapat pula dilihat dari sikap pelajar yang bersemangat dalam mengikuti pembelajaran. Pelajar menjadi berani untuk berbicara/ menyuarakan pendapat atau menyampaikan ideanya dan tidak malu untuk bertanya hal-hal yang belum difahami. Perubahan motivasi yang baik ini sangat berpengaruh terhadap hasil belajar pelajar.

Menurut Sugiyono (2010) Talking Chips adalah model pembelajaran yang membina hubungan saling kebergantungan atau timbal balik antara anggota kelompok kerana adanya kepentingan yang sama. Hubungan timbal balik yang dimaksudkan adalah saling bergantung antara ahli anggota kumpulan dalam menjawab pertanyaan, menyampaikan idea atau pendapatnya sehingga mencapai tujuan pembelajaran yang bersama. Dalam penerapan pembelajaran Talking Chips pelajar dapat motivasi kerana mendapat perlakuan dan kesempatan yang sama dalam menjalankan model pembelajaran ini (Hariyanto, 2015). Kelebihan Talking Chips menurut Aravah (2014) Talking Chips dapat mendorong pelajar untuk berbicara dan memberikan pendapatnya dalam situasi yang menyenangkan.

<b>Pengarang</b>	<b>Definisi</b>
<b>Talking Chips merupakan .....</b>	
Kagan (1992)	Talking Chips merupakan strategi pengajaran pembelajaran kooperatif.
Lie (2002)	Talking Chips adalah untuk memberi peluang kepada setiap pelajar untuk mengambil bahagian secara sama.
Turville (2008)	Talking Chips adalah strategi untuk kemahiran bercakap. Ianya adalah penyertaan kumpulan yang menggunakan beberapa cip dalam prosedur mereka untuk bercakap atau menyampaikan idea.
Gray (2010)	Adalah strategi yang membuat nilai sumbangan setiap orang dan memberi peluang kepada semua orang untuk bercakap.
Hilson (2010)	Talking Chips adalah strategi dalam pengajaran dan pembelajaran yang menjamin penyertaan yang sama dalam setiap kumpulan perbincangan. Setiap ahli kumpulan yang terlibat menerima satu cip poker yang sama.
Sugiyono (2010)	Adalah model pembelajaran yang membina hubungan saling kebergantungan atau timbal balik antara anggota kelompok kerana adanya kepentingan yang sama. Hubungan timbal balik yang dimaksudkan adalah saling bergantung antara ahli anggota kumpulan dalam menjawab pertanyaan, menyampaikan idea atau pendapatnya sehingga mencapai tujuan pembelajaran yang bersama.
Bowers dan Keisler (2011)	Adalah strategi dalam pengajaran dan pembelajaran yang memastikan setiap orang mempunyai peluang untuk berkongsi dalam perbincangan.
Aravah (2014)	Talking Chips dapat mendorong pelajar untuk berbicara dan memberikan pendapatnya dalam situasi yang menyenangkan.

Hariyanto (2015)	Dengan pembelajaran Talking Chips pelajar dapat motivasi kerana mendapat perlakuan dan kesempatan yang sama dalam menjalankan model pembelajaran ini.
Fitri, et al (2016)	Pembelajaran Talking Chips memiliki dua proses penting iaitu proses sosial dan proses penguasaan isi pelajaran. Proses sosial adalah proses pelajar bekerjasama dalam kelompok, sedangkan proses penguasaan isi pelajaran adalah proses yang melibatkan pelajar dalam berbincang, mengklarifikasikan konsep dan menyelesaikan masalah.
Ameera Dhini dan Retno Mustika (2017)	Model pembelajaran kooperatif Talking Chips dapat membuat pelajar lebih aktif dalam segala hal. Semua pelajar memperoleh kesempatan menerima bahan pembelajaran, bertanya, berfikir dan menjawab dengan struktur pembelajaran yang khas.
Sri Utami (2017)	Talking Chips menghasilkan pelajar yang saling bermotivasi sesama sendiri, saling membantu antara satu sama lain dalam menguasai isi pelajaran, bahkan pelajar juga berkolaborasi dalam menjawab soalan semasa sesi Talking Chips di jalankan.
Petrus Logo Radja, Budi Eko Soetjipto, dan Ach. Amirudin (2017)	Talking Chips meningkatkan motivasi dan hasil belajar pelajar, pelajar menjadi berani untuk berbicara/ menyuarakan pendapat atau menyampaikan ideanya dan tidak malu untuk bertanya hal-hal yang belum difahami.

Jadual 1 : Definisi Talking Chips

### Faedah Aktiviti Talking Chips Dalam PAK 21 Kepada Murid

Manfaat penggunaan Talking Chips di dalam kelas semestinya dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang menarik dan tersusun. Talking Chips antara aktiviti pembelajaran yang melibatkan kesemua 5 standard PAK 21 seperti komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis, kreativiti dan nilai murni di kalangan murid tanpa berunsurkan perbezaan tahap kecerdasan akal antara satu sama lain murid di dalam kelas. Sudah pastinya pada perspektif murid ia dilihat sebagai satu sesi pembelajaran yang adil, menyeronokkan dan sama rata di kalangan mereka tanpa membezakan tahap kecerdasan sesama mereka.

Setiap dari mereka di beri hak yang sama dalam berkomunikasi dan berfikir secara kritis terhadap isu atau topik yang di utarakan oleh guru. Selain itu, dengan penggunaan Talking Chips, menurut Ratna Widyaningrum dan Ema Butsi Prihastari (2018), murid juga di beri peluang untuk berfikir secara kritis dan kreatif untuk menyelesaikan permasalahan yang berlaku di persekitaran mereka. Hal tersebut sesuai dengan penelitian kajian Kresnawati (2013) yang mengemukakan bahawa terdapat pengaruh yang signifikan antara sikap peduli dengan hasil belajar. Secara sistematik, teratur, beradab serta penuh nilai murid akan saling memberi percambahan idea dan pendapat dengan adil dan saksama. Tiada berlakunya perebutan dalam menyuarakan idea dan pendapat masing-masing. Murid yang pasif juga akan turut aktif melontarkan idea dan berkomunikasi di dalam kelas sesama mereka terutamanya apabila tibanya gilirannya. Semestinya juga murid yang pasif akan terus berfikir dan menjana idea secara kritis dan kreatif setelah mendengar idea dan pendapat dari murid yang aktif. Talking Chips ini mampu melatih murid kurang cergas atau pasif dalam berkomunikasi dan berfikir secara kritis dan kreatif. Lebih menyeronokkan pembelajaran lagi apabila idea yang di utarakan itu tidak akan di salahkan oleh

guru mahupun murid lain, tetapi di bimbing terus secara langsung oleh guru secara terarah untuk mencapai objektif pembelajaran pada hari tersebut.

Talking Chips amat berfaedah bagi komunikasi murid. Ia melibatkan aktiviti komunikasi agar murid dapat membina hubungan dan berkomunikasi sesama kalangan murid secara kebergantungan yang positif. Murid akan berkomunikasi dan melontarkan idea serta pendapat/jawapan secara saling bergantung, tolak ansur, dan timbal balik. Tiada unsur ejek-mengejek, memperlekehkan dan diskriminasi kepada isu atau idea yang di berikan di kalangan murid. Malah murid dapat mengembangkan lagi idea yang di kongsi sesama mereka.

Menurut kajian Ratna Widyaningrum dan Ema Butsi Prihastari (2018), model pembelajaran Talking Chips sangat menarik dan memudahkan dalam mempelajari isi pembelajaran Selain itu, dengan implementasi model tersebut murid lebih berani dalam mengutarakan pendapat sepanjang tempoh perbincangan berlangsung. Keyakinan diri murid juga dapat di bina dengan lebih jitu semasa aktiviti Talking Chips. Jawapan, idea dan pandangan yang di utarakan oleh murid tidak semestinya betul atau salah. Namun, murid dapat menyuarakan pendapat dan buah fikiran mereka dengan yakin tanpa terbit perasaan ragu akan tanggapan yang negatif dari kawan sekelas.

### **Cara Pelaksanaan Talking Chips di dalam Pdpc Kelas Abad Ke-21**

Talking Chips merupakan salah satu bentuk aktiviti yang di jalankan dalam kelas PAK 21. 5 standard asas PAK 21 berpusatkan murid melibatkan komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis, kreativiti dan juga nilai murni dan etika. Kelima-lima standard ini amat penting dalam pembelajaran abad ke-21 dan di lihat lengkap terdapat pada penggunaan Talking Chips di dalam kelas.

Teknik pembelajaran Talking Chips merupakan sebahagian dari strategi pembelajaran secara kooperatif. Langkah-langkah dalam pembelajaran kooperatif dengan Talking Chips menurut Koes (2008) adalah sebagai berikut:

1. Sesi penyampaian Kelas. Pada awal guru menyampaikan isi dan bahan pembelajaran secara perbincangan atau penerangan guru. Pada ketika itu murid perlu mendengar dan memberi perhatian kepada isi penyampaian guru.
2. Sesi Cip Bercakap. Guru meminta pelajar membentukkumpulan dan mereka kemudian di bekalkan satu kad/cip bercakap setiap orang satu. Setiap individu di dalam kumpulan tersebut perlu menyuarakan pendapat atau jawapan semasa sesi tersebut. Murid yang telah menyuarakan pendapat dan jawapan mereka perlu meletakkan kad/cip di tengah. Giliran anggota kumpulan yang lain menyuarakan jawapan dan idea masing-masing. Sesi ini tamat apabila semua ahli telah menyatakan pendapat mereka dan semua cip telah berada di tengah.
3. Sesi Kesimpulan. Guru dan murid membuat kesimpulan bersama atas sesi perbincangan mereka dalam pdpc abad ke-21 di dalam kelas.

Pendidikan abad ke-21 adalah pengajaran dan pembelajaran masa kini yang memberi keseimbangan antara guru dan pelajar (Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025, 2013). Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21) telah diperkenalkan dan dilaksanakan di semua sekolah mulai tahun 2015. Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2016) PAK21 didefinisi sebagai satu proses pembelajaran yang berpusatkan murid berteraskan elemen komunikasi kolaboratif, pemikiran kritis dan kreativiti serta aplikasi nilai murni dan etika. Pelaksanaan PAK21 bertujuan untuk melahirkan modal insan minda kelas pertama yang produktif, mahir dalam komunikasi,



mempunyai kemahiran berfikir aras tinggi serta mahir dalam penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT Elemen-elemen dalam PAK21 dapat membantu guru dalam melakukan perubahan dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) supaya lebih memenuhi syarat pembelajaran abad ke-21.

Menurut IAB (2017), kerangka pendidikan abad ke-21 menyenaraikan empat kemahiran spesifik yang penting dalam pembelajaran abad ke-21 iaitu kritikal, kolaborasi, kreatif dan komunikasi. Namun, dalam PAK21 yang dilaksanakan dalam sistem pendidikan Malaysia telah menambahkan nilai murni dan etika sebagai salah satu kemahiran yang wajib yang dikuasai oleh murid. Hal ini kerana pemupukan nilai murni dan etika amat penting ke arah membentuk jati diri nasional mengikut acuan nasional (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016).

Pendidikan abad ke-21 adalah pengajaran dan pembelajaran masa kini yang memberi keseimbangan antara guru dan pelajar (Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025, 2013). Bahkan ianya juga bukan sahaja memberi keseimbangan antara guru dan pelajar, tetapi turut seimbang antara sesama pelajar itu sendiri. Dalam kajian ini elemen abad-21 digunakan dalam pembelajaran sesama kalangan murid dengan memberi hak yang sama dan peluang yang sama dalam meneroka pembelajaran secara koperatif. Melalui aktiviti dan kaedah Talking Chips murid dapat memberi peluang secara aktif antara satu sama lain semasa sesi pembelajaran berlangsung.

Menurut Oktaviana (2014) Dalam pelaksanaan model pembelajaran Talking Chips setiap anggota kelompok mendapat chips yang harus digunakan setiap kali ingin bercakap contohnya apabila ingin bertanya, menjawab pertanyaan, menyatakan keraguan, mengungkapkan idea, mengklarifikasi pertanyaan, dan mengklasifikasi idea.

Dalam pelaksanaan model pembelajaran kooperatif Talking Chips setiap anggota kelompok memiliki rasa saling ketergantungan yang positif sehingga mampu membawa dan membimbing setiap anggota untuk selalu aktif dalam kelompoknya (Tran, 2014). Dengan keadaan semacam ini pembelajaran kooperatif Talking Chips juga dapat meneguhkan pembelajaran yang menarik, bermakna, dan seterusnya dapat meningkatkan motivasi belajar sehingga hasil belajar meningkat (Andreas & Gabriel, 2010). Model pembelajaran yang dapat di terapkan oleh guru dalam kelas adalah model pembelajaran Talking Chips kerana ia mampu untuk meningkatkan motivasi dan hasil belajar murid.

## Contoh Pelaksanaan Talking Chips Dalam Pdpc Kelas Abad Ke-21

## RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN( RPH) PENDIDIKAN ISLAM TAHUN 4

**BIDANG AKHLAK**  
**TAJUK ADAB DI MASJID DAN DI SURAU**

TARIKH	28 OKTOBER 2019	
HARI	SELASA	
MASA	9.00 – 10.00 PAGI	
KELAS	4 INTELLIGENT	
TAJUK	ADAB DI MASJID DAN SURAU	
LANGKAH	ISI PEMBELAJARAN	AKTIVITI
PERMULAAN	Memberi salam dan bacaan doa sebelum belajar	Semua murid menjawab salam guru Semua murid membaca dan mengaminkan doa sebelum belajar.
SET INDUKSI	Rangsangan foto: Foto selipar/sepatu yang berada di tangga sebelum pintu masuk masjid/. surau	Perbincangan gambar: 1) Gambar apa? 2) Bila masa keadaan itu berlaku? 3) Apa yang di lakukan oleh si pemilik sepatu di masjid/surau?
LANGKAH 1	- adab masuk di dalam surau -adab berada di dalam surau - adab ketika keluar dari surau -doa masuk surau/masjid - doa keluar surau/masjid	Guru memberi penerangan tentang adab-adab di masjid dan di surau. Guru berbincang dengan murid tentang isi pembelajaran
LANGKAH 2	Faedah mengamalkan adab di masjid dan di surau	1. Guru meminta murid membentuk kumpulan kecil seramai 7 orang setiap kumpulan. 2. Sesi pembelajaran secara koperatif melalui Talking Chips di gunakan. 3. Murid berbincang mengikut giliran Talking Chips
LANGKAH 3	Akibat tidak mengamalkan adab di masjid dan di surau	1. Guru meminta murid membentuk kumpulan kecil seramai 7 orang setiap kumpulan. 2. Sesi pembelajaran secara koperatif melalui Talking Chips di gunakan. 3. Murid berbincang mengikut giliran Talking Chips
PENUTUP	Rumusan isi perbincangan	Ketua/wakil setiap kumpulan membuat rumusan hasil perbincangan semasa sesi Talking Chips berlangsung.
IMPAK		

## Rujukan

- Agung Budi Setyawan. (2010) *Aspek Neurologis Attention Deficit Hyperactivity Disorder (ADHD)*. Bahagian Psikiatri, Dosen Fakultas kedokteran Universitas Wijaya kusuma Surabaya.
- Ameera Dhini Alfianti Putri & Retno Mustika Dewi (2017) *Pengaruh Model Pembelajaran Kooperatif Tipe Talking Chips Terhadap Keaktifan Siswa Pada Mata Pelajaran Ekonomi Kelas X Ips Sma Negeri 4 Sidoarjo*
- Andreas, J. & Gabriel, J. 2010 *Learning Mathematics With Understanding: A Cristical Consideration of The Learning Principle In The Principles and Standards for School Mathematics*. The Montana Mathematics Enthusiast. 4 (1):103–114
- Aravah, E. (2014) *Teaching English to Large Multilevel Classes Majoring In Math, Biology and Chemistry by using 'Burst The Baloon' and Talking Chips' techniques*. TEFLIN International Conference. 6 (1):1034–1038.
- Bowers and Laura Keisler (2011), *Building Academic Language : through content-area text*, (Huntington Beach : Shell Education, 2011), p. 1383
- Dogru. S.Y.( 2014) *The efficacy of attention training on upskilling the children's ability to notice details and attention focusing skills*. International Journal of Academic Research 6(1): 143-149.
- Fitri, M., Sari, W.V., Eliyati. & Aisyah, N. (2016.) *The Effect of Applying Talking Chips Technique On The Students' Achievement In Speaking Ability*. Proceeding of the Fourth International Seminar on English Langguange and Teaching. ISBN: 978-602-74437-0-9: 62–67.
- Fitri, M., Sari, W.V., Eliyati. & Aisyah, N.(2016). *The Effect of Applying Talking Chips Technique On The Students' Achievement In Speaking Ability*. Proceeding of the Fourth International Seminar on English Langguange and Teaching. ISBN: 978-602-74437-0-9: 62–67.
- Foster, H.L. 1995. *Implementing innovative pedagogy in the first course in accounting and its relationship to student attitudes toward the profesion*. Tesis PhD, Andrews University, USA
- Frianto., Soetjipto, B.E., Amirudin, A. (2016). *The Implementation of Cooperative Learning Model Team Game Taurnameant and Fan-N-Pick To Enhance Motivation and Social Studies Learning Outcomes*. IOSR Journal of Humanities and Social (IOSR-JHSS). 21 (5):27–42.
- Gainen, J.&P. Locatelli.1995. *Assesment for the New Curriculum:a Guide for Professional Accounting Programs*. Accounting Education Series. Vol. 11. Sarasota, FL:Accounting Education Change Commission and American Accounting Association.
- Gray, Dave. (2010). *Game storming: A Playbook for Innovators Rule breakers, and Change makers*. Sebastopol: O'meilley Media, Inc
- Hariyanto, Y. (2015) *Pengaruh Metode Pembelajaran Tipe Talking Chips terhadap Hasil Belajar Siswa Pada Kompetensi Dasar Memahami Model Atom Bahan Semi Konduktor di SMK Negeri 1 Jetis Mojokerto*. Jurnal Pendidikan Elektro, Universitas Negeri Surabaya. 4 (3):999–1005.
- Hilson Linda (2010), *Teaching at Its Best*, (Sanfrancisco: John Wiley and Sons, Inc, 2010), p. 164
- Institut Aminuddin Baki. (2017). *Panduan Pelaksanaan Pendidikan Abad ke-21*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kagan, S. & Kagan, M.( 2009). *Kagan Cooperative Learning*. San Clemente: Kagan Publisher. Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya, Malaysia: Kementerian Pendidikan Malaysia.

- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). *Kit Pembelajaran Abad ke-21*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kresnawati, N. (2013). *Korelasi Kualitas Pembelajaran Geografi dan Hasil Belajar terhadap Sikap Peduli Lingkungan Siswa Kelas X11 IPS SMAN 1 Ponorogo*. *Jurnal Pendidikan Humaniora*. 1(3), 298-303. *International of Higher Education*. 3 (2):132–141.
- Kristiana, V., Ngadiso., Sujoko. (2012). *The Effectiveness of Fan-N-Pick Method In Teaching Reading Comprehension Viewed From Students' Self-Confidence*. *Jurnal English Teaching*. 1 (1):121–131.
- Leon Benade (2016) *Teachers' reflective practice in the context of twenty-first century learning: applying Vagle's five-component post-intentional plan for phenomenological research*, *Open Review of Educational Research*, 3:1, 133-147, DOI:
- Lie, A. (2008). *Cooperative Learning; Mempraktikan Cooperative Learning di Ruang-ruang kelas*. Jakarta: PT. Grasindo.
- Masikem, et all (2016) *The Implementation of Cooperative Learning Model Talking Chips and Quick on the Draw to Enhance Motivation and Social Studies Learning Outcome*, Vol. 6, Issue 3 Ver. Iv,
- Oktaviana, R. (2014) *Implementattion Of Cooperative Learning With Talking Chips Technique On Solids Material*. *Proceeding of International Conference On Research*. ISBN. 978-979-99314-8-1: 439-444.
- Oktaviana, R. (2014) *Implementattion Of Cooperative Learning With Talking Chips Technique On Solids Material*. *Proceeding of International Conference On Research*. ISBN. 978-979-99314-8-1: 439-444.
- Petrus Logo Radja<sup>1</sup>, Budi Eko Soetjipto<sup>2</sup>, Ach. Amirudin<sup>3</sup> (2017) *Implementasi Model Pembelajaran Kooperatif Talking Chips Dan Fan-N-Pick Dalam Meningkatkan Motivasi Dan Hasil Belajar Ips*
- Rasul, M. S., Ismail, M. Y., Ismail, N., Rajuddin, M. R., & Rauf, R. A. A. (2010). Development of employability skills assessment tool for manufacturing industry. *Jurnal Mekanikal*, 30, 4–61
- Ratna Widyaningrum dan Ema Butsi Prihastari (2018), *Implementasi model pembelajaran talking chips disertai media fotonovela untuk meningkatkan sikap peduli lingkungan dan kemampuan menyampaikan pendapat mahasiswa*. Volume 8(1) 22–30 Jun 2018
- Riyadi, A., Soetjipto, B.E., Amirudin, A. (2016) *The Implementation of Cooperative Learning Model Fan-N-Pick and Quick on the Draw to Enhance Social Competence and Cognitive Learning Outcome for Social Studies*. *IOSR Journal of Humanities And Social Science (IOSR-JHSS)*. 21 (4):15–26
- Sardiman. (2006). *Interaksi dan Motivasi Belajar Mengajar*. Jakarta: PT Raja Grafindo Persada.
- Sjukur dan Suluhin. B. (2013). *Pengaruh Blended Learning terhadap Motivasi Belajar dan Hasil Belajar*. *Jurnal Ilmu Pendidikan*. 19 (2):187–195.
- Sri Utami (2017) *Penerapan Metode Talking Chips Dalam Pembelajaran Kooperatif Untuk Meningkatkan Prestasi Belajar Profesi Kependidikan Ii Pada Mahasiswa Prodi Pendidikan Biologi Semester Vb Ikip-Pgri Madiun*
- Syafriyadin, (2011), *Journal of The Use of Talking Chips Technique in Improving Students' Speaking Achievement, Indonesia*: Indonesia University of Education.
- Tran, D.V. (2014) *The Effects of Cooperative Learning on The Academic Achievement and Knowledge Retention. I*
- Turner, M. 1999. *The learning experience*. *The British Journal of Administrative Management*; Orpington: May/June (31): 4-5
- Turville, Joni. (2008). *Differentiating By Student Learning Preferences: Strategies and Lesson Plan*. New York: Eye on Education.
- Wats, M. & Wats, R.K. 2009. *Developing Soft Skills In Students*. *International Journal of Learning* 15 (12).

Journal of Educational Research & Indigenous Studies

Williams, K.C. & Williams, C.C. 2011. *Five Key Ingredients For Improving Student Motivation*.  
Research in Higher Education Journal 12.